

23/07/2002

Ras Adiba berlepas ke Australia

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas pengulas sukan TV3, Ras Adiba Radzi, yang mengalami kecederaan saraf sehingga mengakibatkannya lumpuh pinggang ke bawah berlepas ke Sydney, Australia, malam ini, bagi menjalani pembedahan tulang belakangnya.

Sehingga petang ini, beliau berjaya mengumpul lebih RM390,000, hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk RM10,000 daripada Yayasan Budi Penyayang Malaysia yang disampaikan Pengerusinya, Datin Seri Endon Mahmood.

TV3 dan syarikat kumpulan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) menyumbang RM80,000 selain tiket penerbangan tiket pergi balik ke Sydney; sumbangan Yayasan SP Setia sebanyak RM50,000 yang disampaikan oleh Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye dan RM2,000 oleh Persatuan India Muslim Malaysia (Kimma).

Ras Adiba berlepas bersama ibu saudaranya, Wan Zuraidah Abu pada jam 6.05 petang dari Pusat Perubatan Pantai (PMC) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

Mereka berdua berlepas dari KLIA dengan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) pada jam 8.45 malam. Turut mengiringinya, doktor Jabatan Kecemasan PMC, Profesor Dr Ernest Yeo dan dua krew TV3.

Di Sydney, Ras Adiba akan menjalani rawatan di sebuah hospital swasta.

Beliau yang ditemui petang ini amat terharu dengan bantuan dan sokongan moral yang ditunjukkan rakyat kepadanya.

Ras Adiba juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawatnya minggu lalu dan Endon, hari ini.

"Saya amat menghormati Datin Seri Endon kerana beliau memberi nasihat dan berkongsi pengalamannya bersama saya. Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua yang membantu supaya dapat saya menjalani pembedahan di sana dan kembali ke tanah air secepat mungkin. Walaupun saya tidak takut tetapi gementar," katanya.

Ras Adiba juga menerima kunjungan peribadi Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Pengerusi Bernama, Datuk A Kadir Jasin, tengah hari ini.

Sementara itu, Endon berkata, walaupun beliau sendiri perlu mendapatkan banyak rehat, namun tetap datang untuk berkunjung Ras Adiba untuk memberikannya semangat dan sokongan moral sebelum dia berlepas ke Sydney.

"Ras Adiba memang tenang dan yakin dapat menghadapi cabaran ini. Saya menasihatkannya supaya mencekalkan diri, jika dia rasa cekal untuk menang sudah pasti dia boleh," katanya.

Ras Adiba yang lebih mesra dengan panggilan Dibi cedera tulang belakangnya apabila terbabit dalam kemalangan jalan raya sewaktu pulang selepas membuat liputan Piala Malaysia pada 1995.

Sejak itu beliau sudah menjalani dua pembedahan.